

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Peniaga2 digesa sahut seruan PM

KOTA BHARU, Selasa — Dewan Perniagaan yang mewakili berbagai kaum di negeri ini digesa menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya menubuhkan syarikat-syarikat yang disertai semua kaum.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan, Encik Hasan Harun berkata, Dewan-dewan Perniagaan Melayu, Cina dan India yang telah lama wujud di negeri ini boleh memainkan peranan positif ke arah itu.

Katanya, dewan-dewan perniagaan itu boleh juga menubuhkan kelab-kelab berbagai kaum bagi semua lapisan masyarakat untuk mengeratkan lagi perpaduan.

Perdana Menteri kelmarin mencadangkan setiap perniagaan yang dijalankan di negara ini tidak lagi tertumpu

kepada satu-satu kaum sahaja, sebaliknya hendaklah disertai oleh semua kaum.

Encik Hassan berkata, syarikat-syarikat perniagaan Bumiputera di negeri ini menggalualukan seruan itu dan langkah-langkah perlu diambil mulai sekarang untuk menggabung dewan-dewan perniagaan yang mewakili tiga kaum.

Kesedaran

Encik Hassan yang juga ahli perniagaan di negeri ini berkata, "Kongsep kerjasama atau usahasama dalam bidang perniagaan itu hendaklah mempunyai kepentingan bersama, modal bersama, supaya tidak berlaku 'sleeping partner' yang boleh diperalatkan oleh orang lain."

Beliau berkata, di negeri ini kebanyakan

syarikat bukan Bumiputera dimiliki secara 'anak beranak' yang menjadi satu tradisi. Mereka tidak mahu berkongsi walaupun dengan kaum sendiri.

"Mereka lebih pentingkan syarikat-syarikat bersaudara yang keuntungannya tidak mengalir keluar kepada orang lain," katanya.

Menurut Encik Hassan, generasi kedua dari tiga kaum di negeri ini mempunyai kesedaran mewujudkan syarikat usahasama meliputi modal, kemahiran dan kepakaran masing-masing.

Katanya, cadangan Perdana Menteri itu amat kena pada masanya untuk melaksanakan hasrat kerajaan yang ingin bersikap adil kepada semua kaum dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.